NO. SOALAN : 304

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT]

SOALAN

Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

(a) adakah Kerajaan berhasrat untuk meneruskan pelaksanaan Dasar Tahfiz Negara; dan

(b) apakah terdapat sebarang perancangan oleh Kerajaan bagi mempertingkatkan lagi kualiti institusi tahfiz negara.

JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memandang serius akan kepentingan pendidikan tahfiz di negara ini. Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang telah diperkenan oleh Majlis Raja-raja melalui Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-247, akan dibentang kepada Kabinet untuk memastikan pelaksanaannya dapat diselaras secara menyeluruh.

Bagi meningkatkan lagi kualiti institusi tahfiz di negara ini, Kerajaan melalui JAKIM sedang memperhalusi cadangan untuk menubuhkan badan pengiktirafan tahfiz di bawah Lembaga Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI). Ia merupakan satu inisiatif di bawah DPTN bertujuan:

i. Mewujud dan menyelaras mekanisme pengiktirafan tahfiz;

ii. Membangunkan standard pengiktirafan;

iii. Memberi pengiktirafan kepada huffaz;

iv. Memastikan pematuhan standard pengiktirafan dapat dilaksanakan;

v. Melaksanakan apa-apa pengiktirafan kepada institusi tahfiz tertakluk kepada dasar dan keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.